

# DAIVONEX® CREAM

Calcipotriol (50 mcg/g)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Daivonex® Cream*
2. Bagaimana *Daivonex® Cream* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Daivonex® Cream*
4. Cara menggunakan *Daivonex® Cream*
5. Semasa menggunakan *Daivonex® Cream*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Daivonex® Cream*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Daivonex® Cream*

*Daivonex® Cream* mengandungi calcipotriol (sejenis Vitamin D). *Daivonex® Cream* tidak mengandungi steroid.

*Daivonex® Cream* adalah digunakan untuk psoriasis vulgaris. Psoriasis adalah penyakit kulit di mana sel-sel kulit dihasilkan dengan terlalu cepat.

Ini menyebabkan "plak" dibentuk pada kulit. Plak adalah kawasan kulit yang tebal, kasar, berwarna merah dan ditutup oleh sisik yang halus, kering dan berwarna perak.

*Daivonex® Cream* ini hanya boleh didapati dengan preskripsi doktor.

## Bagaimana *Daivonex® Cream* berfungsi

*Daivonex® Cream* bertindak dengan mengurangkan jumlah sel-sel yang dihasilkan oleh kulit anda. Ini bermakna gejala kulit anda akan berkurang juga.

## Sebelum menggunakan *Daivonex® Cream*

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan *Daivonex® Cream* jika anda mempunyai alahan terhadap:

- sebarang ubat yang mengandungi calcipotriol
- apa-apa bahan yang disenaraikan pada bahagian akhir risalah ini (lihat bahagian:

## Maklumat lanjut

Beberapa gejala reaksi alahan termasuk sesak nafas, semput atau kesukaran bernafas; bengkak muka, bibir, lidah atau bahagian badan yang lain; ruam, gatal atau geligata pada kulit.

Jangan gunakan *Daivonex® Cream* jika anda

- mempunyai tahap darah kalsium yang tinggi

## *Mengandung dan menyusukan anak*

Jangan ambil *Daivonex® Cream* jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil *Daivonex® Cream* jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Keselamatan *Daivonex® Cream* dalam kehamilan manusia masih belum dibuktikan..

### - Sebelum menggunakan *Daivonex® Cream*

Beritahu doktor anda jika anda

- mengalami sebarang penyakit lain.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana di atas, beritahu dia sebelum anda mula menggunakan ubat ini.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat lain, termasuk apa-apa yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat yang perlu berhati-hati atau dielakkan ketika menggunakan *Daivonex® Cream*.

Jangan gunakan *Daivonex® Cream* dengan salicylic acid..

Rawatan serentak dengan persediaan topikal mengandungi Salicylic Acid harus dielakkan kerana Salicylic Acid mungkin merencat calcipotriol.

## Cara menggunakan *Daivonex® Cream*

Basuh tangan anda dengan teliti selepas menggunakan pada mana-mana bahagian badan anda, melainkan jika tangan anda sedang dirawat. Sapu sedikit pada lesi kulit yang terjejas.

Jangan gunakan *Daivonex® Cream* pada muka.

### - Berapa banyak harus digunakan

Jangan gunakan lebih daripada 100g dalam satu minggu (tidak lebih daripada tiga tiub 30g *Daivonex® Cream*).

### - Bila perlu digunakan

Gunakan *Daivonex® Cream* dua kali sehari

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan *Daivonex® Cream* selagi doktor anda beritahu anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan *Daivonex® Cream*, gunakannya sebaik sahaja anda ingat. Kemudian teruskan penggunaan seperti sebelum ini.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, tanya doktor atau ahli farmasi.

Jika anda mempunyai masalah mengingati penggunaan ubat anda, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk beberapa petunjuk.

<p>- <u>Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)</u></p>	<p>Ubat ini tidak menyebabkan ketagihan</p>	<p>tidak kelihatan agak betul atau menunjukkan tanda-tanda dibuka.</p>
<p>Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.</p>	<p><b>Kesan-sesan sampingan</b></p> <p>Seperti ubat-ubatan lain, <i>Daivonex® Cream</i> boleh menyebabkan kesan sampingan,</p> <p>Jangan bimbang dengan senarai kesan sampingan yang berikut. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk menjawab apa-apa soalan yang anda ada.</p>	<p>- <u>Pelupusan</u></p> <p>Jika doktor anda memberitahu anda untuk berhenti menggunakan <i>Daivonex® Cream</i> atau tarikh luput telah berlalu, tanya ahli farmasi anda apa yang perlu dilakukan dengan baki <i>Daivonex® Cream</i>.</p> <p>Jika bungkusan <i>Daivonex® Cream</i> rosak atau tarikh luput sudah berlalu, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.</p>
<p>Penggunaan berlebihan (lebih dari 100g <i>Daivonex® cream</i> mingguan) boleh menyebabkan peningkatan kalsium dalam darah yang mana akan berkurang dengan cepat, apabila rawatan dihentikan.</p>	<p>Beritahu doktor atau ahli farmasi anda:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>■ jika anda mempunyai sebarang kesan yang tidak menyenangkan semasa anda menggunakan <i>Daivonex® Cream</i>.</li> </ul> <p>atau</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>■ jika anda mendapati mana-mana berikut yang membimbangkan anda:</li> <li>- iritasi setempat yang sementara</li> <li>- keradangan kulit muka</li> </ul>	<p><b>Maklumat lanjut</b></p> <p>- <u>Rupa dan warna produk</u></p> <p><i>Daivonex® Cream</i> adalah krim lembut yang berwarna putih.</p>
<p><b>Semasa menggunakan <i>Daivonex® Cream</i></b></p> <p>- <u>Perkara yang perlu dilakukan</u></p>	<p>Jika anda akan mula menggunakan sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang menggunakan <i>Daivonex® Cream</i></p>	<p>- <u>Bahan-bahan kandungan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bahan aktif           <ul style="list-style-type: none"> <li>Calcipotriol (50 mikrogram/gram)</li> </ul> </li> </ul>
<p>Jika anda hamil ketika menggunakan <i>Daivonex® Cream</i>, beritahu doktor anda dengan segera.</p>	<p>Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mendapati apa-apa yang membuat anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh berlaku pada sesetengah orang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bahan tidak aktif           <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Cetomacrogol</li> <li>■ Cetostearyl alcohol</li> <li>■ Chloroallylhexaminium chloride</li> <li>■ Disodium edetate</li> <li>■ Disodium phosphate dihydrate</li> <li>■ Glycerol</li> <li>■ Liquid Parafin</li> <li>■ White Soft Parafin</li> <li>■ Purified Water</li> </ul> </li> </ul>
<p>Pastikan anda memenuhi semua temujanji dengan doktor supaya keadaan anda boleh disemak. Doktor anda boleh melakukan beberapa ujian darah dari semasa ke semasa.</p>	<p>Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web <a href="http://portal.bpfk.gov.my">portal.bpfk.gov.my</a> (<i>Consumers Reporting</i>).</p>	<p>- <u>Nombor MAL</u></p> <p>MAL19961672AZ</p>
<p>- <u>Perkara yang tidak boleh dilakukan</u></p>	<p>Jangan berikan ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.</p>	<p><b>Pengilang</b> LEO Pharmaceutical Products A/S Limited Industriparken 55 DK-2750 Ballerup, Denmark</p>
<p>Jangan gunakan <i>Daivonex® Cream</i> dengan rawatan lain untuk psoriasis melainkan jika ditetapkan oleh doktor anda.</p>	<p><b>Cara penyimpanan dan pelupusan <i>Daivonex® Cream</i></b></p> <p>- <u>Penyimpanan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Jauhkan daripada jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.</li> <li>■ Simpan pada suhu bilik terkawal (15°C – 25°C).</li> <li>■ Jangan simpan <i>Daivonex® Cream</i> atau sebarang ubat lain di dalam bilik air atau berhampiran singki. Jangan biarkan ia berada pada ambang tingkap atau di dalam kereta. Haba dan kelembapan boleh memusnahkan sesetengah ubat.</li> <li>■ Jangan gunakan <i>Daivonex® Cream</i> selepas tarikh luput yang dicetak pada bungkusan atau jika bungkusan koyak,</li> </ul>	<p><b>Pemegang Pendaftaran Produk</b> DKSH Malaysia Sdn Bhd B-11-01, The Ascent, Paradigm, No.1, Jalan SS7/26A, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor</p>
<p>Jangan gunakan lebih daripada dos mingguan yang disyorkan (lihat bahagian: Cara menggunakan <i>Daivonex® Cream</i>)</p>		<p><b>Tarikh kemaskini RiMUP</b> 21/03/2016</p>
<p>- <u>Perkara yang perlu diberi perhatian</u></p>		<p><b>Nombor siri:</b> BPFK(R4/1)240316/00094</p>